

BANK ISLAM TAWAR BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA MANJIR SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, Selasa, [7 Mac 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) meneruskan Program Prihatin Banjir untuk membantu para pelanggan pembiayaan yang terjejas. Pelanggan Pembiayaan Rumah, Peribadi dan Kenderaan yang terkesan boleh memohon moratorium sehingga enam (6) bulan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Sementara itu, penangguhan bayaran sehingga enam (6) bulan turut disediakan kepada pelanggan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) Bank Islam. Bantuan kewangan ini terbuka kepada semua kemudahan kredit dengan dengan bayaran berjadual atau secara kontrak, khususnya Kemudahan Pembiayaan Berjangka, Kemudahan Kredit Pusingan & Aliran Tunai serta Kemudahan Perdagangan.

Bank Islam turut menawarkan pemansuhan fi dan caj penggantian kad debit-i dan buku cek yang hilang atau rosak akibat banjir.

Selain itu, Bank Islam turut menyediakan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) untuk mengurangkan beban kewangan pelanggan yang terjejas akibat banjir dan membantu perusahaan mereka kembali beroperasi. Di bawah kemudahan ini, perusahaan mikro yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM150,000. Pembiayaan berjumlah RM700,000 disediakan untuk PKS dengan tempoh tujuh tahun, termasuk moratorium selama enam (6) bulan.

Permohonan untuk Program Prihatin dan DRF boleh dibuat di cawangan Bank Islam terdekat yang beroperasi dalam masa tiga (3) bulan daripada kejadian.

Pelanggan yang terjejas boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Program Prihatin Banjir dengan melayari www.bankislam.com/program-prihatin-banjir/. Pelanggan boleh turut menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di contactcenter@bankislam.com.my atau 03- 26 900 900 untuk bantuan lanjut. Sementara itu, pelanggan perniagaan juga boleh menghantar emel ke sme-assist@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan

pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my

MEDIA RELEASE

For Immediate Release



BANK ISLAM OFFERS FINANCIAL RELIEF FOR FLOOD VICTIMS NATIONWIDE

KUALA LUMPUR, Tuesday, [7 March 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) continues the Prihatin Programme for Flood to assist our affected financing customers. House Financing, Personal Financing, and Vehicle Financing customers affected by the disaster may apply for a moratorium of up to six (6) months, subject to the terms and conditions set.

Meanwhile, a deferment on financing payment of up to six (6) months is also made available to Bank Islam's affected micro, small and medium-sized (MSMEs) customers. Financial assistance is open to all credit facilities with scheduled or contractually due payments, specifically the Term Financing Facilities, Revolving Credit & Cash Line Facilities and Trade Facilities.

Bank Islam also offers waiver fees and charges for replacing debit cards-i, and chequebooks lost or damaged during the floods.

Apart from that, Bank Islam is offering the Disaster Relief Facility (DRF) to alleviate the financial burden of those affected by floods and enable them to resume their business operations. Under this facility, the eligible micro-enterprise can apply for financing up to RM150,000. A financing size of RM700,000 is made available to SMEs with a tenure of seven years, including a moratorium of six (6) months.

Applications for the Prihatin Programme and DRF can be made at the nearest operating Bank Islam branches within three (3) months of the incident.

Affected customers can obtain more information on the Prihatin Programme for Flood by visiting www.bankislam.com/program-prihatin-banjir/. Customers may reach Bank Islam Contact Centre at contactcenter@bankislam.com.my or 03-26 900 900 for further assistance. Meanwhile, businesses can also reach out to sme-assist@bankislam.com.my.

About Bank Islam Malaysia Berhad (Registration No: 198301002944(98127-X))

Bank Islam is Malaysia's first publicly listed Islamic Bank on the Main Market of Bursa Malaysia. Established in July 1983 as Malaysia's first Islamic Bank, Bank Islam has 135 branches and more than 900 self-service terminals nationwide. As a full-fledged and pure-play Islamic bank, Bank Islam provides banking and financial solutions that strictly adhere to the Shariah rules and principles and are committed to the ideals of sustainable prosperity and ESG values. The core subsidiaries of the Bank Islam Group are pioneers in various Islamic financial services, including investment and stockbroking, namely BIMB Investment Management Berhad and BIMB Securities Sendirian Berhad. For more information on the Group's products and services, visit www.bankislam.com.

For further information, please email BIMB Group's Media Relations team at:

MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my.